



HANG TUAH LAKSAMANA TERBILANG



NOTA EFEKTIF

Riwayat Hidup Hang Tuah



Riwayat Hidup Hang Tuah

- Asal - Kampung Sungai Duyung
- Bapa - Hang Mahmud
- Ibu - Dang Merdu Wati
- Empat orang sahabat karib :
 1. Hang Jebat
 2. Hang Kasturi
 3. Hang Lekir
 4. Hang Lekiu
- Kehebatan dan kebijaksanaan Hang Tuah :
 1. Berani dan tangkas - Menyelamatkan bendahara dalam peristiwa amuk. Bendahara mencadangkan Hang Tuah dilantik sebagai Laksamana Melaka dan empat orang sahabatnya sebagai hulubalang Melaka.
 2. Menjalankan tugas sebagai laksamana dengan penuh dedikasi
 3. Hang Tuah berjaya melihat wajah Maharaja China yang tidak boleh ditatap oleh sesiapa pun semasa mengetuai rombongan menghantar utusan Melaka ke negara China.
 4. Memujuk Tun Teja untuk berkahwin dengan Sultan Melaka. Hang Tuah berjaya membawa Tun Teja ke Melaka.
- Hang Tuah telah difitnah dan dijatuhi hukuman bunuh oleh Sultan Melaka. Bendahara bertindak menyelamatkan Hang Tuah dengan menyembunyikannya.
- Hang Jebat telah mengamuk kerana mahu menuntut bela atas kematian Hang Tuah.
- Sultan menyesal di atas perbuatannya dan menitahkan Hang Tuah mengembalikan keamanan di Melaka
- Hang Tuah berjaya menumpaskan Hang Jebat.
- Hang Tuah dilantik sebagai Laksamana Melaka dan menyumbang kepada kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.



Kualiti Diri Hang Tuah

Hang Tuah dilantik sebagai Laksamana Melaka pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah.

Sumbangan Hang Tuah



1. Bijaksana

- Menggunakan kebijaksanaannya ketika bertarung dengan Taming Sari sehingga memperoleh kemenangan.
- Menguasai 12 bahasa untuk memudahkannya menjalankan tugas rasmi.

2. Jujur dan Amanah

- Menjalankan tugas yang diamanahkan dengan jujur demi kesejahteraan Melaka.

3. Bertanggungjawab

- Menjaga keselamatan perairan Melaka supaya menjadi pusat perdagangan yang terkenal di dunia.
- Menjaga nama baik Melaka semasa menjadi utusan ke China, India dan Turki.

4. Taat Setia

- Mentaati perintah sultan.

5. Berani

- Mahir dalam ilmu persilatan.
- Mempelajari ilmu persilatan dengan gurunya Aria Putera.

6. Berkemahiran dalam Ilmu Persilatan

- Menyelamatkan Bendahara Tun Perak daripada orang mengamuk.
- Mengalahkan orang upahan Majapahit yang dihantar oleh Patih Gajah Mada.



NOTA EFEKTIF

Peranan Hang Tuah

Peranan Hang Tuah

Setia kepada sultan

Menjadi ketua angkatan laut

Pengawal sultan

Melaksanakan perintah sultan untuk
meminang Puteri Gunung Ledang

Menjamin keselamatan pedagang

Menjaga keamanan perairan

Memujuk Tun Teja dan membawa ke Melaka

Berlawan dengan Taming Sari dan berjaya
mendapat kerisnya

Mengetuai rombongan ke China dan melihat
wajah Maharaja China